

SEMASA

## Ismail Sabri melawat Tun M di IJN

Sabtu, 22 Januari 2022 6:30 PM



Ismail Sabri tiba di IJN dengan kenderaan Toyota Vellfire pada petang Sabtu.

**PERDANA** Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob tiba di Institut Jantung Negara (IJN), Kuala Lumpur, untuk melawat Tun Dr Mahathir susulan perkembangan terbaru mengatakan bahawa negarawan itu dimasukkan semula ke pusat rawatan tersebut.

Ismail Sabri tiba dengan kenderaan Toyota Vellfire dan diiringi sekumpulan anggota polis, sekitar pukul 5.38 petang Sabtu (22 Jan).

Beliau sempat menurunkan tingkap kenderaan dan melambai kepada pemberita.

Perdana Menteri meninggalkan IJN sekitar pukul 6.05 petang tanpa memberi sebarang ulasan mengenai lawatannya itu.

Terdahulu, para pengamal media berkumpul di IJN bagi mengikuti rapat perkembangan mengenai situasi kesihatan mantan perdana menteri.

Dikhabarkan, Dr Mahathir ketika ini berada di Unit Rawatan Koronari (CCU).

Pasukan komunikasi Dr Mahathir berkata satu kenyataan akan dikeluarkan tidak lama lagi, tetapi enggan mengulas lanjut.

Dr Mahathir, 96, baru-baru ini dibenarkan keluar dari IJN pada 13 Januari, selepas dimasukkan pada 7 Januari. - **THE STAR**